



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KRT PEMANGKIN EKONOMI MALAYSIA MADANI

BANGI, 5 November 2023 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional telah melaksanakan **Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** di Bangi Avenue Convention Centre, Selangor. Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Bertemakan ‘Kawasan Rukun Tetangga Penggerak Masyarakat Progresif’, anugerah yang diadakan **secara dwi tahunan** ini adalah salah satu **mekanisme untuk menilai prestasi, keberkesanan dan kejayaan Kawasan RukunTetangga (KRT) dalam komuniti masing-masing**. Anugerah ini juga adalah **pengiktirafan tertinggi** yang diberikan kepada KRT dan jentera di bawahnya yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan dan pembangunan komuniti setempat.

Kementerian telah **memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT** menerusi pewujudan enam (6) kelompok komuniti yang berimpak tinggi dan bersasar iaitu Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS), dan Skuad Uniti di bawah Jawatankuasa KRT. Sehingga kini, terdapat sebanyak **8,397 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** telah ditubuhkan di seluruh negara dengan **keanggotaan Jawatankuasa hampir 210,000 orang**.

Selain itu, bagi mengatasi masalah kos sara hidup rakyat yang terkesan dengan keadaan ekonomi semasa, Kementerian telah melaksanakan **Projek Ekonomi Komuniti KRT merangkumi Kebuniti MADANI KRT, Projek Akuagro, Penternakan, Produk Makanan dan Minuman, Projek berasaskan kraftangan, Community Based Tourism (CBT) dan perkhidmatan**. Antara projek ekonomi yang berjaya meningkatkan sumber pendapatan dan memberi impak kepada pembangunan sosio ialah Projek fertigasi cili dan timun oleh KRT Telaga Batin, projek *CBT* oleh KRT Kilim Geoprak, projek penternakan ikan-ikan air tawar oleh KRT Taman Pancasila A, Kulai Johor dan produk coklat homemade oleh KRT Seri Perlis 2, Kuala Lumpur.

Melalui Konsep Payung Rahmah pula, pelbagai inisiatif telah dirangka dengan menekankan kepada pengamalan nilai-nilai kemanusiaan seperti ihsan, kasih sayang, peduli, hormat-menghormati, toleransi dan penerimaan. Antara pencapaian utama KRT pada tahun ini ialah melalui pelaksanaan **Program Tuisyen KAMI di 50 buah lokasi seluruh negara dengan memanfaatkan 2,450 orang pelajar B40.**

Dalam memperkasa penglibatan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dalam komuniti setempat, pelbagai program telah dirancang seperti Program Pemimpin Muda Lestari, Pemimpin Muda Prihatin, Program *Young, Effective and Smart* (YES) serta Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif. Kementerian berhasrat agar semua KRT dapat meningkatkan sekurang-kurangnya **30 peratus keahlian Jiran Muda di KRT masing-masing menjelang tahun 2024.**

YB Datuk Aaron berkata, **KRT perlu menjalin dan memperkukuhkan kerjasama dengan ‘Friends of Unity’ untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan sesuatu program atau aktiviti yang dilaksanakan. Mereka tidak boleh bergerak secara silo dalam mengurus dan membangunkan kawasan kejiranan masing-masing”.**

Dalam pada itu, pada tahun ini sebanyak lapan (8) kategori anugerah dipertandingkan merangkumi pelbagai kategori iaitu Pengurusan Jiran Muda Terbaik, Pengurusan Jiran Wanita Terbaik, Pengurusan Ekonomi Terbaik, Pengurusan Projek Inovasi Terbaik, Pengurusan Skim Rondaan Sukarela Terbaik, Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik dan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023.

Johan Keseluruhan Anugerah Perdana pada tahun ini bakal membawa pulang wang tunai sebanyak RM50,000.00 berserta piala pusingan.

Kementerian Perpaduan Negara

5 November 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)